

Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Makluman Penerbitan Dokumen *Alternative Credentials Playbook for Adaptive Industry Competency Accelerator (AICA)*

[Surat Makluman MQA Bil. 15/2025 bertarikh 19 September 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. MQA telah membangunkan *Alternative Credentials Playbook for Adaptive Industry Competency Accelerator (AICA)* iaitu satu dokumen konsep pelaksanaan bagi menyokong penawaran program berkonsepkan *General/Technology Assemblies/Forward School* dalam penawaran kelayakan alternatif.
- ii. Kelayakan alternatif merujuk kepada bentuk pengiktirafan yang muncul dan berkembang termasuk kelayakan mikro, lencana digital dan sijil yang diiktiraf industri. Kelayakan ini memainkan peranan penting dalam proses peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan kemahiran semula (*reskilling*).
- iii. Penerbitan dokumen jaminan kualiti ini dapat memberikan panduan kepada PPT untuk menawarkan program berkonsepkan *Forward School* dan sebagai satu usaha untuk menyemarakkan penyertaan industri dalam menghasilkan graduan atau pekerja yang sepadan dengan keperluan semasa.
- iv. Pelaksanaan AICA diharapkan dapat menyumbang peningkatan kebolehpasaran graduan yang memenuhi ekspektasi industri dan majikan.
- v. Pekeliling berkaitan boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- vi. AICA bertujuan untuk memberikan pemahaman mengenai kepelbagaian strategi dan cadangan, dengan penekanan khusus terhadap peranan pihak berkepentingan (pemilik program dan pemegang taruh) dalam membangunkan dan melaksanakan kelayakan alternatif yang relevan, fleksibel dan responsif terhadap keperluan pasaran semasa. Dokumen AICA boleh dimuat turun di laman MQA (*Publications > Signature Publications*) atau rujuk *Playbook* yang dilampirkan.
- vii. CADe-Lead dan fakulti/sekolah yang berkaitan perlu merujuk kepada ketetapan ini untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap penawaran kelayakan alternatif mengikut ketetapan terkini MQA.

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
Tarikh Kemas Kini: 7 Disember 2025